

20 JUN 2002

Mahathir-Ekonomi (Bergambar)/I

DASAR EKONOMI BARU MASIH BELUM CAPAI SASARAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Dasar Ekonomi Baru (DEB), diperkenalkan 32 tahun lepas, masih belum mencapai sasarannya untuk memastikan Bumiputera menguasai 30 peratus kekayaan negara.

"Sekiranya dasar itu tidak dilaksanakan pada ketika itu, kedudukan ekonomi Bumiputera adalah tidak sekukuh sekarang. Namun mereka masih jauh ketinggalan dengan hanya menguasai 19 peratus kekayaan negara," katanya.

Beliau berkata ini adalah disebabkan kuasa pegangan kekayaan yang lemah di kalangan Bumiputera, kerana pada 15 tahun pertama dasar itu diperkenalkan, mereka telah mencapai kemajuan yang baik tetapi selepas itu prestasi mereka menurun.

"Bukan sahaja Bumiputera perlu mengalami pertumbuhan daripada segi mengumpul kekayaan tetapi mereka juga perlu tumbuh dengan cepat, jauh lebih cepat daripada orang lain," katanya semasa melancarkan buku bertajuk "DEB: Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu" pada acara sampingan pada Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini yang bermula hari ini.

Buku dalam bahasa Malaysia itu ditulis oleh Just Faaland, pengarah di Universiti Harvard, Prof J.R. Parkinson, profesor madya di University of Nottingham dan Rais Saniman, bekas profesor Universiti Malaya dan bekas anggota Majlis Tertinggi Umno. Buku itu berharga RM50 senaskhah.

Katanya ketika DEB mula diperkenalkan, ia memerlukan Bumiputera memperluaskan bahagian ekonomi mereka daripada sifar kepada 30 peratus.

Presiden Umno itu berkata Bumiputera terutamanya Melayu, merebut pelbagai peluang yang tersedia daripada DEB tetapi "kemudiannya mereka menganggap mudah akan peluang-peluang itu dan ini mengakibatkan pencapaian mereka kian merosot."

"Saya telah memarahi dan menegur orang Melayu dan mereka sepatutnya memberikan respons positif dan menyahut cabaran itu untuk memperbaiki kuasa ekonomi mereka dalam negara. Saya tidak tahu sama ada sasaran 30 peratus itu boleh dicapai tetapi kita akan cuba," katanya.

Beliau berkata adalah amat menyedihkan sekiranya orang Melayu, sebagai pribumi di negara ini, akan ketinggalan kepada bangsa-bangsa lain daripada segi perkongsian kekayaan negara ini.

"Sebelum 1969, orang Melayu tidak menyerlah jadi kita perkenalkan DEB dan kini terpulang kepada mereka untuk menyahut cabaran ini dan meningkatkan pegangan ekonomi mereka di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

SR ZS RHM